

FPP BizNewz

Jan - May 2023

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

BUKIT MERAH
"THE RED FOREST"
PERMATA TERSEMBUNYI DI JERANTUT

TOXIC FRIENDSHIP
WHEN IT'S TIME TO LET GO

GRADUATES
WHO ARE THE URBAN POOR

ARROWS OF THE FAITHFUL
THE IMPORTANCE OF ARCHERY IN ISLAM

**TWIN-TO-TWIN TRANSFUSION
SYNDROME (TTTS)**



Publication Date
1 June 2023

AKU, DIA

&

NICU

SIRI 6

¹NIK NOOR AFIZAH AZLAN & ²MAZLAN MAT

¹FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN, UITM CAWANGAN TERENGGANU

²LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA, TERENGGANU

EMEL KORESPONDEN: NIKN0561@UITM.EDU.MY





.....Tanpa berlagang, aku dan suamiku terus ke Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) manakala abah dan mama tolong selesaikan urusan di Hospital Pakar Perdana. Sesampai kami di HUSM, terus aku dimasukkan ke salah satu bilik di wad bersalin. Bilik persediaan mungkin. Semuanya telah tersedia, doktor dan jururawat bertugas terus membuat pemeriksaan kepadaku dan menjalankan beberapa prosedur. Keadaannya sangat pantas, masing-masing menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan sangat efisien. Aku hanya mampu berserah dan pasrah. Doktor yang bertugas ketika itu menjelaskan kepadaku keadaan aku dan bayi dalam kandungan yang sangat berisiko tinggi. Beliau juga memaklumkan bahawa pembedahan kecemasan perlu dilaksanakan demi menyelamatkan kami berdua. Aku mengangguk tanda faham. Doktor tersebut terus menghubungi seseorang.

Tidak lama kemudian, kecoh kedengaran di luar bilik persediaan tersebut. Hatiku berdegup kencang. Aku tertanya-tanya, apa yang terjadi di luar bilik tersebut? (.....dari Siri 5)

Tiba-tiba seorang lelaki yang masih tegap dalam lingkungan 50-an muncul di hadapan pintu bilik persediaan tersebut. Beliau tersenyum dan terus masuk untuk mendapatkan keterangan daripada doktor yang bertugas. Setelah itu, beliau menghampiri katilku dengan senyuman sambil menyapa, "Afizah, saya Doktor Nik Zaki. Beliau adalah doktor pakar dan beliau menerangkan keadaan terkini serta prosedur yang perlu dijalankan dalam kadar segera memandangkan bayi dalam kandunganku sudah kritikal. Dengan berat bayi dalam lingkungan 1kg, bacaan CTG yang tidak stabil dan degupan jantung bayi sudah mulai lemah, peluang untuk bayi bertahan adalah sangat tipis. Namun, beliau akan cuba sedaya upaya untuk menyelamatkan kami berdua, tetapi aku perlu bersedia dengan sebarang kemungkinan yang akan berlaku. Aku pasrah dan berserah kepada Allah. Aku hanya mampu berdoa agar semuanya dipermudahkan dan selamat. Moga Allah beri yang terbaik buat kami.

Sedang aku bersiap untuk ke dewan bedah, suamiku memasuki bilik persediaan bagi menandatangani dokumen-dokumen yang berkaitan untuk urusan pembedahan tersebut. Tapi sayangnya, suamiku tidak dibenarkan menemaniku sewaktu pembedahan dijalankan. Ini kali pertama suamiku tiada di sisi semasa proses kelahiran anak kami. Wajah pilu, sayu dan risau terpancar di wajah suamiku tapi masih mampu tersenyum untuk memberi semangat kepadaku.

Tidak lama selepas itu, aku ditolak ke dewan bedah. Sebelum pembedahan dimulakan, aku dicucuk ubat bius dan dalam keadaan separa sedar terasa perutku seperti ditekan-tekan. Aku terlelap beberapa kali kerana kepenatan. Penat kerana risaukan keadaan bayi dalam kandunganku. Adakah dia akan selamat? Bepeluangkah aku memegang dan memeluknya? Pelbagai soalan bermain difikiranku. Tiba-tiba, "Allahuakbar!!...Allahuakbar!!" dengan penuh lantang doktor pakar bertakbir diiringi pula dengan laungan kalimah-kalimah suci Al-Quran. Aku terkejut, jantungku berdegup kencang. Kemudian terdengar "uuwaaaaa...", tangisan serta sahutan suara halus, sayup kedengaran dan terus menghilang.



"Allahuakbar, suara tangisan anakku...", bisik hati ini. Tidak sabar aku ingin melihat dan memeluknya. Tetapi di mana bayiku? Suara tangisannya tidak lagi kedengaran. Aku menangis kerisauan dan tanpa aku sedari, sekali lagi aku terlelap. Tidak lama kemudian aku dikejutkan dengan suara lembut doktor pakar memanggil namaku, "Afizah....Afizah... Alhamdulillah, semuanya sudah selesai dan bayi juga selamat tetapi perlu terus dibawa ke Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU)." Aku hanya mampu mengangguk dan air mataku jatuh berlinangan tanda bersyukur. Terasa seperti diawang-awangan. Sempat aku mengucapkan terima kasih kepada beliau sebelum aku kembali terlelap kepenatan. Aku kembali sedar semasa berada di sudut pemerhatian. Jururawat menasihatkan aku untuk terus berehat sementara dipindahkan ke wad dan aku diminta untuk berbaring dalam posisi 180 darjah selama 6 jam. Aku juga perlu berpuasa dalam tempoh tersebut.



Hampir 30 minit juga aku berada di sudut pemerhatian. Kemudian aku ditolak ke wad dan alhamdulillah suamiku, abah, mama, emak saudara dan adikku dibenarkan melawat ketika itu. Kami sempat berbual seketika sebelum mereka pulang berehat setelah hampir seharian berada di hospital memberi sokongan kepada kami dan menunggu sehingga semua urusan selesai. Setelah mereka pulang, aku berehat ditemani rakan-rakan ibu yang lain. Aku mendapat perkhabaran yang suamiku dibenarkan melawat bayi kami di NICU. Buat sementara waktu, suamiku yang menguruskan segala keperluan bayi kami di sana. Alhamdulillah, aku dikurniakan suami yang bertanggungjawab dan anak-anak kami dikurniakan ayah yang mithali serta penyayang. Sepanjang perkahwinan kami, suami aku yang banyak menguruskan anak-anak dan urusan rumahtangga. Jadi aku tidak perlu risau tentang keperluan bayi kami di NICU kerana aku yakin suamiku mampu menguruskannya.

Sepanjang aku di wad, masih ada lagi ujian yang telah aku harungi namun ianya tidaklah sehebat ujian bayiku yang berada di NICU. Maka bermulalah perjalanan kehidupan kami dengan DIA & NICU...

.....bersambung.....



BizNewz 2023
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com